

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/1993

April 1993

STU322 - Pengurusan Organisasi Khidmat Manusia

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja. **Soalan 1** merupakan soalan **wajib**.

Soalan 1

- (a) Berikan ringkasan lapuran anda mengenai agensi khidmat manusia yang telah anda lawati atau kaji dalam kursus ini.
- (b) Bandingkan agensi anda dengan agensi seorang pelajar lain dari segi kecekapan (efficiency), keberkesaan (effectiveness), akauntabiliti (accountability), pengurusan kewangan (financial management), hubungan kakitangan-klien (staff-client relations), sistem maklumat (information system) dan teknik-teknik penilaian (evaluation or assessment techniques).

(100 markah)

Soalan 2

- (a) Apakah tujuan-tujuan (purposes) diadakan sistem pengurusan maklumat (management information systems)?
- (b) Mengapakah sistem maklumat yang komprehensif selalunya mahal?

(100 markah)

... 2/-

Soalan 3

Senaraikan dan beri penjelasan ringkas:

- (a) Ciri-ciri asas model organisasi kompleks (complex organization model).
- (b) Ketidakfungsian yang mungkin (possible dysfunctions) bagi organisasi kompleks yang sedang berjalan (in action).

(100 markah)

Soalan 4

Apakah yang dimaksudkan oleh Gruher dengan kenyataan berikut? Jelaskan.

"Suatu revolusi yang tidak diketahui skop dan implikasinya mula muncul dan sedang mengubah masyarakat. Dalam revolusi semasa, objek-objek sains dan teknologi adalah proses-proses sosial, institusi-institusi dan orang ramai."

(100 markah)

Soalan 5

Lukiskan Putaran Membuat Keputusan (Decision-Making Cycle), dan jelaskan secara ringkas setiap langkah berkenaan.

(100 markah)

Soalan 6

Setiap Organisasi Khidmat Manusia berkhidmat untuk kelas-kelas klien tertentu. Jelaskan secara ringkas dua 'typology' utama bagi organisasi-organisasi khidmat manusia.

(100 markah)